

11/07/2001

Ekonomi di landasan mantap

Kadir Dikoh; Saidon Idris

EKONOMI negara kini bergerak di landasan mantap ke arah matlamat Wawasan 2020 selepas Malaysia berjaya pulih daripada krisis kewangan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang mempengerusikan Majlis Dialog Belanjawan 2002 buat kali pertama selaku Menteri Kewangan di Putrajaya, semalam berkata negara mencatatkan kembali pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) memberangsangkan pada kadar 6.1 peratus pada 1999 dan 8.3 peratus tahun lalu.

"Kadar pertumbuhan tahun lalu melebihi anggaran awal 7.5 peratus semasa pembentangan Belanjawan 2001 pada Oktober tahun lalu. Pencapaian ini amatlah membanggakan berbanding negara seperti Thailand (4.3 peratus), Indonesia (4.8 peratus) dan Taiwan (6.0 peratus)," katanya.

Bagaimanapun, sejak pembentangan Belanjawan lalu, banyak perkembangan luar yang tidak menentu berlaku berikutan kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan kerapuhan ekonomi Jepun.

Dr Mahathir berkata, sebagai sebuah ekonomi terbuka yang kecil dengan jumlah perdagangan eksport 105 peratus daripada KDNK, negara terdedah kepada persekitaran itu dan akibatnya, permintaan eksport terjejas.

Oleh itu katanya, KDNK negara pada suku pertama 2001 berkembang pada kadar yang agak sederhana iaitu 3.2 peratus berbanding 6.3 peratus pada suku keempat 2000.

"Sungguhpun demikian, semua sektor ekonomi terus mencatatkan pertumbuhan yang positif. Dalam senario pasaran eksport yang tidak begitu menggalakkan, pertumbuhan ekonomi perlu lebih didorong oleh kegiatan ekonomi dalam negara.

"Dalam hubungan ini, prestasi perbelanjaan ekonomi negara adalah menggalakkan. Dalam suku pertama 2001, perbelanjaan penggunaan meningkat 4.9 peratus sementara pelaburan terus berkembang kukuh sebanyak 9.1 peratus, sebahagian besarnya hasil daripada langkah rangsangan fiskal kerajaan yang berkesan," katanya.

Daripada segi kekukuhan dan ketahanan ekonomi katanya, negara terus mempunyai asas yang mantap. Rizab luar antarabangsa Malaysia masih bertahan pada paras AS\$26 bilion (RM98.8 bilion) pada pertengahan Jun 2001, walaupun kadar pertumbuhan eksport lebih rendah daripada import.

Beliau berkata, kedudukan rizab itu adalah 5.6 kali lebih tinggi berbanding dengan hutang luar jangka pendek negara dan mampu membiayai 3.9 bulan import tertanggung.

Malah katanya, tekanan inflasi dapat dikawal pada paras yang rendah dengan tingkat harga pengguna terus berada pada kadar 1.6 peratus. Pendapatan per kapita rakyat pada 2000 berjumlah RM13,418 sudah melebihi tahap sebelum krisis kewangan serantau.

Kuasa beli rakyat tempatan juga meningkat kembali daripada AS\$6,990 (RM26,562) pada 1998 kepada AS\$8,835 (RM33,573) pada 2000.

Dr Mahathir berkata, negara sudah banyak mencapai kemajuan dalam usaha memperkukuhkan sektor kewangan dan korporat, dan jauh lebih berjaya dalam menerap amalan urus tadbir yang baik serta menyusun semula sektor berkenaan berbanding negara serantau yang pernah dilanda krisis kewangan.

"Bagi sesetengah negara seperti Indonesia, Thailand dan Korea, mereka pula terpaksa menjual aset milik mereka kepada kepentingan asing untuk memulihkan semula ekonomi masing-masing.

"Kejayaan Malaysia pula dicapai dengan strategi serampang tiga mata

melalui kewujudan Danaharta dan Danamodal serta penubuhan Jawatankuasa Pengstruktur Semula Hutang Korporat (CDRC) dalam menangani masalah hutang tidak dibayar (NPL), mempermodalkan semula institusi perbankan dan menyusun semula sektor korporat," katanya.

Beliau berkata, dalam menangani masalah NPL, Danaharta sehingga akhir Mei lalu sudah berjaya mengurus dan mengeluarkan NPL berjumlah RM48.1 bilion daripada institusi kewangan, dengan RM39.9 bilion daripadanya diperolehi daripada sistem perbankan.

(END)